

PERTANDINGAN KUCING DAN ANJING PERINGKAT ANTARABANGSA (PROSES KUARANTIN)

No Dokumentasi: APTVM 17(i):1/2013

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar	2
1.0 Pengenalan	3
2.0 Objektif	3
3.0 Skop	4
4.0 Definisi	4
5.0 Kata Singkatan	4
6.0 Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia : Pertandingan Kucing dan Anjing Peringkat Antarabangsa (Proses Kuarantin)	5
6.1 Pertandingan Kucing dan Anjing Peringkat Antarabangsa di Dalam Negara	5
6.1.1 Arahan Am	5
6.1.2 Prosedur Permohonan Pengecualian Kuarantin di SKHK	5
6.1.3 Proses Dokumentasi dan Pengeluaran Permit	6
6.1.4 Peraturan dan Proses Kuarantin	6
6.2 Pertandingan Kucing dan Anjing Peringkat Antarabangsa di Luar Negara	7
6.2.1 Arahan Am	7
6.2.2 Prosedur Permohonan Pengecualian Kuarantin di SKHK	8

6.2.3	Proses Dokumentasi dan Pengeluaran Permit	9
6.2.4	Peraturan dan Proses Kuarantin	9
7.0	Rujukan	9
8.0	Lampiran 1: Senarai baka Anjing Terlarang/Terkawal di bawah Kawalan Pengimportan	10
	Jawatankuasa Penyediaan APTVM Pertandingan Kucing dan Anjing Peringkat Antarabangsa (Proses Kuarantin)	11
	Penghargaan	11

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Proses kuarantin haiwan peliharaan yang masuk ke dalam negara adalah satu prosedur untuk mencegah dan mengawal penyakit dari masuk atau merebak ke dalam negara. Kemasukan haiwan peliharaan dari luar negara ke dalam negara boleh dikatakan berlaku sepanjang tahun. Kemasukan haiwan seperti anjing dan kucing ke dalam negara adalah sebagai haiwanpeliharaan dan tidak kurang juga bagi menyertai Pertandingan Kucing dan Anjing Peringkat Antarabangsa.

Bagi tujuan pertandingan kucing dan anjing di Peringkat Antarabangsa, Malaysia sentiasa menjadi tumpuan untuk penganjuran pertandingan seperti ini. Pertandingan di peringkat antarabangsa ini merupakan aktiviti penting bagi kebanyakan pemilik haiwan kesayangan di negara ini dan juga pemilik kucing dan anjing dari pelbagai negara, untuk berkumpul bagi menyertai pertandingan ini. Lazimnya bagi tujuan pertandingan ianya akan berlangsung dan berakhir dalam tempoh yang pendek. Ianya akan melibatkan proses pengimportan yang singkat sebelum keluar semula ke negara asal.

Melihat kepada senario pertandingan, DVS telah merangka satu garis panduan kuarantin khas untuk kucing dan anjing yang menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa ini tanpa mengambil ringan sebarang risiko atau ancaman penularan penyakit yang berkemungkinan berlaku daripada aktiviti pertandingan ini.

Sehubungan dengan itu, satu Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM) : Pertandingan Kucing dan Anjing Peringkat Antarabangsa (Proses Kuarantin) telah disediakan sebagai panduan prosedur khas kuarantin bagi tujuan pertandingan peringkat antarabangsa ini. APTVM ini meliputi syarat, prosedur permohonan dan juga proses kuarantin yang perlu dilakukan bagi tujuan pertandingan. Walaubagaimanapun, adalah diingatkan bahawa APTVM ini adalah bagi tujuan penyertaan pertandingan di peringkat antarabangsa sahaja.

APTVM ini dihasilkan sebagai panduan kepada pegawai di lapangan dan pemilik haiwan pertandingan yang terlibat. Dengan penghasilan APTVM ini diharapkan dapat memberi garis panduan yang jelas dan tepat agar, proses kuarantin dapat dijalankan dengan lancar serta membantu mengelak daripada risiko ancaman penyakit.

Arahan ini perlu dipatuhi oleh semua pihak tanpa mengambil ringan dalam sebarang tindakan yang boleh menjejaskan keselamatan dan biosekuriti negara. Menjadi harapan saya agar prosedur ini difahami dan dipatuhi untuk kepentingan semua pihak. Maka dengan ini, saya mengarahkan agar semua pihak yang terlibat agar mematuhi prosedur ini.

DATUK DR. ABD AZIZ BIN JAMALUDDIN

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

MALAYSIA

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PERTANDINGAN KUCING DAN ANJING PERINGKAT ANTARABANGSA (PROSES KUARANTIN)

1.0 PENGENALAN

Pertandingan kucing atau anjing di peringkat antarabangsa merupakan satu aktiviti penting di dalam kalendar sebilangan pemilik haiwan kesayangan kucing dan anjing. Biasanya pertandingan di peringkat antarabangsa ini akan berlangsung dalam tempoh yang pendek dan melibatkan penyertaan pemilik kucing dan anjing daripada pelbagai negara yang akan berkumpul di negara penganjur pertandingan. Sehubungan dengan itu, satu APTVM diwujudkan sebagai garis panduan pengecualian proses kuarantin di Stesen Kuarantin Haiwan Kerajaan bagi haiwan yang menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa ini disamping bagi menjamin dan mengawal sebarang risiko kemasukan penyakit di bawa masuk ke dalam negara.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Menyediakan garis panduan tentang prosedur dan syarat pengecualian proses kuarantin di SKHK bagi tujuan pertandingan kucing dan anjing peringkat antarabangsa di dalam dan di luar negara sahaja.
- 2.2 Menyediakan syarat dan prosedur yang perlu dipatuhi oleh pelanggan dan digunakan oleh pegawai veterinary di lapangan.
- 2.3 Menjelaskan prosedur kuarantin dalam proses pertandingan ini, adalah satu proses yang mudah tetapi penting bagi memastikan tiada *direct contact* haiwan-haiwan pertandingan dan sebagai proses mengelakkan sebarang potensi penyebaran penyakit.

3.0 SKOP

APTVM ini merangkumi garis panduan dan syarat pengecualian kuarantin di Stesen Kuarantin Haiwan Kerajaan bagi pertandingan kucing dan anjing peringkat antarabangsa di dalam dan luar negara.

4.0 DEFINISI

4.1 Antarabangsa

Antarabangsa bermaksud berkaitan dengan istilah luar negara. Dalam konteks APTVM ini ianya merujuk kepada Pertandingan yang melibatkan penyertaan daripada pelbagai negara sama ada berlangsung di dalam atau di luar negara.

4.2 Baka Terlarang

Baka anjing yang tidak dibenarkan import ke dalam Malaysia seperti senarai di lampiran 1.

4.3 Baka Terkawal

Baka anjing yang kemasukan ke dalam negara memerlukan kelulusan khas daripada DVS dan bagi tujuan sekuriti.

4.4 Tempatan

Tempatan bermaksud yang berkaitan di dalam negara. Peserta dari dalam negara dan haiwan pertandingan yang menetap di Malaysia lebih 6 bulan.

4.5 Premis

Kawasan seperti rumah , bilik lokasi yang bersesuaian yang di pohon bagi tujuan pengasingan haiwan pertandingan.

5.0 KATA SINGKATAN

- | | | |
|-----|-------|---|
| 5.1 | APTVM | - Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia |
| 5.2 | DVS | - Jabatan Perkhidmatan Veterinar |
| 5.3 | IPPV | - Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar |
| 5.4 | KLIA | - Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur |
| 5.5 | KPPV | - Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar |
| 5.6 | MAQIS | - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia |
| 5.6 | PVN | - Pegawai Veterinar Negeri |
| 5.7 | SKHK | - Stesen Kuarantin Haiwan Kerajaan |

6.0 ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA : PERTANDINGAN KUCING DAN ANJING PERINGKAT ANTARABANGSA (PROSES KUARANTIN)

6.1 Pertandingan Kucing dan Anjing Peringkat Antarabangsa di Dalam Negara

6.1.1 Arahan Am

6.1.1.1 Pengecualian kuarantin di SKHK bagi anjing yang menyertai pertandingan mestilah bukan daripada baka terlarang atau baka terkawal.

6.1.1.2 Pengimportan haiwan pertandingan ke dalam negara adalah tertakluk kepada Protokol Pengimportan Anjing dan Kucing ke Malaysia di mana perlu memohon permit import dan pengimportan perlu di sertai dengan Sijil Kesihatan Veterinar yang sah daripada pihak berkuasa veterinar negara pengeksport.

6.1.1.3 Semua haiwan yang menyertai pertandingan (kucing atau anjing) diwajibkan mempunyai implan mikrochip menggunakan mikrochip yang *ISO compliance*.

6.1.1.4 Pihak penganjur pertandingan perlu mengemukakan senarai peserta dan pemilik haiwan dengan lengkap untuk proses permohonan pengecualian kuarantin di SKHK.

6.1.1.5 Haiwan pertandingan iaitu kucing atau anjing yang dibawa masuk ke Malaysia bagi tujuan menyertai Pertandingan Kucing dan Anjing di Peringkat Antarabangsa di dalam negara perlu keluar daripada Malaysia dalam tempoh tidak lebih daripada 2 hari selepas pertandingan berakhir.

6.1.1.6 Adalah menjadi tanggungjawab penganjur pertandingan untuk memastikan semua peserta luar negara dan haiwan pertandingan pulang ke negara asal pada waktu yang ditetapkan.

6.1.1.7 Haiwan pertandingan yang tidak pulang ke negara asal akan direkodkan sebagai tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan. Haiwan tersebut perlu menjalani proses kuarantin di SKHK. Agen atau pemilik haiwan pertandingan akan direkod sebagai ketidak akuran. Permohonan untuk penyertaan haiwan tersebut untuk pengecualian kuarantin di SKHK bagi tujuan pertandingan seterusnya tidak akan dipertimbangkan.

6.1.2 Prosedur Permohonan Pengecualian Kuarantin di SKHK

6.1.2.1 Surat rasmi permohonan kepada KPPV Malaysia hendaklah ditulis melalui persatuan atau pihak penganjur pertandingan. Hanya Surat melalui persatuan atau penganjur sahaja dipertimbangkan. Surat permohonan perlu dihantar sekurang-kurangnya 14 hari sebelum pertandingan berlangsung. Butiran dan dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut :

- I. Surat permohonan perlu menggunakan kepala Surat (*letter head*) daripada persatuan atau pihak penganjur dan mempunyai tajuk yang jelas mengenai pertandingan.
- II. Maklumat lengkap pemilik haiwan atau agen dikehendaki mengandungi :
 - i. nama penuh
 - ii. negara asal,
 - iii. nombor kad pengenalan atau nombor pasport dan
 - iv. email.

- III. Maklumat lengkap haiwan pertandingan (anjing atau kucing) perlu mempunyai maklumat berikut:
 - i. nombor mikrocip haiwan pertandingan,
 - ii. tarikh lahir, jantina dan baka,
 - iii. tarikh kemasukan ke dalam negara dan tarikh keluar dari negara,
 - iv. jadual penerbangan, waktu ketibaan di dalam negara dan waktu berlepas ke luar negara.
- IV. Salinan rekod vaksinasi kucing atau anjing pertandingan yang terkini.
 - i. Vaksinasi kucing (feline panleukopenia, feline rhinotracheitis, feline calicivirus dan Rabies) .
 - ii. Vaksinasi anjing (canine distemper, infectious canine hepatitis, canine parvovirus, canine parainfluenza, Bordetella bronchiseptica, leptospirosis dan Rabies)
- V. Surat pengesahan jemputan atau penerimaan penyertaan pertandingan oleh pihak penganjur pertandingan.
- VI. Lokasi pertandingan, nama pertandingan, tarikh dan waktu pertandingan bermula dan berakhir.
- VII. Maklumat premis yang dipohon bagi tujuan kuarantin perlu mempunyai alamat yang lengkap, surat pengesahan dan persetujuan oleh pemilik premis dan nombor telefon pemilik premis.

6.1.2.2 DVS Negeri akan menjalankan pemeriksaan premis kuarantin yang dipohon. Satu salinan laporan pemeriksaan premis akan dihantar ke IPPV. Kelulusan kebenaran khas kuarantin hanya dibenarkan kepada premis yang diluluskan sahaja.

6.1.2.3 Satu Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh IPPV dan salinan kepada DVS Negeri yang terlibat.

6.1.3 Proses Dokumentasi dan Pengeluaran Permit

Semua dokumen berkaitan dengan permit import atau permit eksport dan Sijil Kesihatan Veterinar untuk kucing atau anjing pertandingan akan dikeluarkan oleh DVS Negeri Selangor sebagai penyelarasan maklumat kemasukan dan maklumat keluar kucing atau anjing yang menyertai pertandingan di dalam negara.

6.1.4 Peraturan dan Proses Kuarantin

6.1.4.1 Proses pemantauan sepanjang tempoh kuarantin perlu dilaksanakan oleh PVN bagi negeri yang terlibat.

6.1.4.2 PVN perlu memastikan kucing atau anjing pertandingan tidak meninggalkan premis kuarantin kecuali ketika pertandingan berlangsung dan perlu kembali ke premis kuarantin setelah selesai pertandingan.

- 6.1.4.3 PVN perlu memastikan kucing atau anjing yang dalam proses kuarantin tidak bercampur dan bersentuhan dengan haiwan yang sama spesies dan haiwan-haiwan lain.
- 6.1.4.4 Setelah pertandingan berakhir, PVN perlu memastikan semua kucing atau anjing pertandingan yang memasuki Malaysia bersedia dari segi dokumentasi dan keluar dari Malaysia dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- 6.1.4.5 Pintu masuk dan keluar bagi penyertaan dari luar negara adalah di KLIA sahaja. Proses kemasukan dan pelepasan kucing atau anjing peserta pertandingan akan dipantau oleh Pegawai MAQIS di pintu masuk.
- 6.1.4.6 Sekiranya pemilik haiwan, penganjur pertandingan atau persatuan didapati ingkar dan tidak bekerjasama dengan Pegawai MAQIS dan PVN semasa proses kuarantin sehingga proses pelepasan ke luar negara, satu laporan ketidakakuran oleh pegawai yang terlibat perlu dimajukan kepada IPPV untuk tindakan lanjut.
- 6.1.4.7 Pemilik haiwan, penganjur pertandingan atau persatuan yang tidak mematuhi peraturan kuarantin yang ditetapkan akan disenarai sebagai ketidakakuran dan DVS boleh untuk tidak mempertimbangkan permohonan pengecualian kuarantin di SKHK di masa hadapan.

6.2 Pertandingan Kucing dan Anjing Peringkat Antarabangsa di Luar Negara

6.2.1 Arahan Am

- 6.2.1.1 Haiwan pertandingan (kucing atau anjing) adalah tidak tertakluk di dalam sebarang arahan proses kuarantin ketika hendak menyertai pertandingan.
- 6.2.1.2 Kesemua haiwan yang menyertai pertandingan PERLU mempunyai kad pengenalan haiwan kesayangan (pet passport) .
- 6.2.1.3 Pengecualian kuarantin di SKHK untuk anjing yang menyertai pertandingan mestilah bukan daripada baka terlarang atau baka terkawal.
- 6.2.1.4 Hanya haiwan pertandingan (kucing atau anjing) yang direkodkan ke Luar Negara bagi tujuan pertandingan sahaja boleh dipertimbangkan permohonan pengecualian kuarantin di SKHK setibanya semula di Malaysia.
- 6.2.1.5 Persatuan atau kelab yang mewakili peserta pertandingan perlu mengemukakan senarai peserta dan pemilik haiwan dengan lengkap untuk proses permohonan pengecualian kuarantin di SKHK.
- 6.2.1.6 Persatuan perlu mengumpulkan maklumat senarai peserta-peserta yang menyertai pertandingan yang sama di luar negara di dalam satu Surat permohonan.
- 6.2.1.7 Haiwan pertandingan (kucing atau anjing) tempatan yang ke Luar Negara bagi tujuan pertandingan perlu kembali ke Malaysia dalam tempoh tidak lebih dari 3 hari selepas pertandingan berakhir. Sekiranya melebihi tempoh yang ditetapkan, DVS boleh menarik balik kelulusan pengecualian kuarantin di SKHK. Mana-mana kucing dan anjing yang telah direkodkan keluar negara bagi menyertai pertandingan tetapi tidak pulang dalam waktu yang ditetapkan tanpa alasan yang kukuh adalah tertakluk

kepada syarat kuarantin biasa di SKHK serta tidak dibenarkan menyertai sebarang pertandingan yang berlangsung di dalam negara sebelum tamat tempoh kuarantin.

6.2.2 Prosedur Permohonan Pengecualian Kuarantin di SKHK

6.2.2.1 Surat rasmi permohonan kepada KPPV Malaysia hendaklah melalui persatuan sahaja. Surat permohonan perlu dihantar sekurang-kurangnya 14 hari sebelum pertandingan berlangsung. Butiran dan dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut :

- I. Surat permohonan perlu menggunakan kepala surat (letter head) daripada persatuan atau pihak penganjur.
- II. Maklumat lengkap pemilik haiwan atau agen dikehendaki mengandungi:
 - i. nama penuh dan alamat rumah,
 - ii. status ssama ada pemilik atau agen
 - iii. nombor kad pengenalan, nombor telefon, nombor fax dan email.
- III. Maklumat lengkap haiwan pertandingan (anjing atau kucing) perlu mempunyai maklumat berikut:
 - i. nombor mikrochip haiwan pertandingan.
 - ii. tarikh lahir, jantina dan baka
 - iii. tarikh perlepasan ke luar negara dan tarikh ketibaan di dalam negara.
 - iv. jadual penerbangan, waktu perlepasan ke luar negara dan waktu ketibaan di dalam negara.
- IV. Salinan rekod vaksinasi kucing atau anjing pertandingan yang terkini
 - i. Vaksinasi kucing (feline panleukopenia, feline rhinotrachetis, feline calicivirus dan Rabies.)
 - ii. Vaksinasi anjing (canine distemper, infectious canine hepatitis, canine parvovirus, canine parainfluenza, Bordetella bronchiseptica, leptospirosis dan Rabies.)
- V. Surat pengesahan jemputan atau penerimaan penyertaan pertandingan oleh pihak penganjur pertandingan.
- VI. Salinan Kad Pengenalan (Pet Passport) haiwan pertandingan.
- VII. Lokasi pertandingan, nama pertandingan, tarikh dan waktu pertandingan bermula dan berakhir.
- VIII. Maklumat lengkap dan alamat premis yang dipohon bagi tujuan kuarantin sekembalinya ke Malaysia.

6.2.2.2 DVS Negeri akan menjalankan pemeriksaan premis kuarantin yang dipohon. Satu salinan laporan pemeriksaan premis akan dihantar ke IPPV. Kelulusan kebenaran khas kuarantin hanya dibenarkan kepada premis yang diluluskan sahaja.

6.2.2.3 Satu surat kelulusan akan dikeluarkan oleh IPPV dan salinan kepada DVS Negeri yang terlibat. Sebarang permohonan pertukaran premis tidak dibenarkan setelah kelulusan dikeluarkan.

6.2.3 Proses Dokumentasi dan Pengeluaran Permit

Semua dokumen berkaitan dengan permit eksport atau permit import dan Sijil Kesihatan Veterinar untuk kucing atau anjing pertandingan akan dikeluarkan oleh DVS Negeri Selangor sebagai penyelarasan maklumat kemasukan dan maklumat keluar kucing dan anjing yang menyertai pertandingan di Luar Negara.

6.2.4 Peraturan dan proses kuarantin

6.2.4.1 Pintu keluar dan masuk bagi penyertaan Pertandingan Kucing dan Anjing di Peringkat Antarabangsa yang berlangsung luar negara adalah KLIA sahaja.

6.2.4.2 Proses keluar dan kemasukan kucing atau anjing peserta pertandingan akan dipantau oleh Pegawai MAQIS di pintu masuk. Kad Pengenalan Haiwan Kesayangan (Pet passport) setiap kucing dan anjing pertandingan mesti dicop sebagai pengesahan ke Luar Negara dan semasa proses kemasukan sekembalinya ke dalam negara daripada pertandingan.

6.2.4.3 Proses pemantauan sepanjang tempoh kuarantin perlu dilaksanakan oleh PVN negeri yang terlibat.

6.2.4.4 Kucing atau anjing pertandingan tidak boleh meninggalkan premis kuarantin sepanjang tempoh kuarantin berlangsung sehingga surat perlepasan kuarantin dikeluarkan oleh PVN.

6.2.4.5 PVN perlu memastikan kucing atau anjing yang dalam prosis kuarantin tidak bercampur dan bersentuhan dengan haiwan yang sama sepsis dan haiwan-haiwan lain.

6.2.4.6 Sekiranya pemilik haiwan, penganjur pertandingan atau persatuan didapati ingkar dan tidak bekerjasama dengan Pegawai MAQIS dan PVN semasa proses kuarantin sehingga proses pelepasan ke Luar Negara, satu laporan ketidakakuran oleh pegawai yang terlibat perlu dimajukan kepada IPPV untuk tindakan lanjut.

6.2.4.7 Pemilik haiwan atau persatuan yang tidak mematuhi peraturan kuarantin yang ditetapkan akan disenaraikan sebagai ketidakakuran terhadap prosedur yang ditetapkan dan DVS boleh untuk tidak mempertimbangkan pengecualian kuarantin di SKHK bagi permohonan seterusnya.

7.0 RUJUKAN

Akta Binatang 1953 (semakan 2006)

8.0 LAMPIRAN 1

Senarai Baka Anjing Terlarang / Terkawal di bawah Kawalan Pengimportan

LAMPIRAN 1

SENARAI BAKA ANJING TERLARANG / TERKAWAL DI BAWAH KAWALAN PENGIMPORAN

BIL	BAKA TERLARANG UNTUK DIIMPORT	BAKA TERKAWAL UNTUK DIIMPORT (Pengimportan adalah tertakluk kepada syarat)
1.	Pit Bull Terrier/ Pit Bull (also known as American Pit Bull Terrier, American Staffordshire Terrier and Staffordshire Bull Terrier)	German Shepard/ Alsatian including Belgian Shepard and East European Shepard
2.	American Bulldog	Bull Mastiff
3.	Neopolitan Mastiff	Bull Terrier
4.	Japanese Tosa	Perro de Presa Canario (Juga dikenali sebagai Canary Dog)
5.	Akita	Rottweiler
6.	Dogo Argentina	Doberman
7.	Fila Brasileiro	

Sumber :

www.dvs.gov.my

JAWATANKUASA PNEYEDIAAN ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA

PERTANDINGAN KUCING DAN ANJING PERINGKAT ANTARABANGSA

(PROSES KUARANTIN)

Penasihat

Y.H. Dato` Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria

Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

Ketua Editor

Dr. Saipul Bahri bin Hail Abdul Ree

Sidang Pengarang

Dr. Falizah binti Abdullah

Dr. Nur Hafizan binti Sharudin

Dr. Azita Hanim binti Hashim Ghani

Dr. Mariani binti Hashim

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam Penyediaan APTVM ini khususnya;

1. Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
2. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KV)
3. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (P)
4. Semua Pengarah Bahagian, IPPV
5. Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
6. Semua Ketua Seksyen IPPV

Maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi:

Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS,
Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani,
Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630 Putrajaya.

Tel : 03-8870 2000

Faks : 03-8888 6472

Email : pro@dvs.gov.my

Laman web : <http://www.dvs.gov.my>